

Terjun

METRO AHAD

16/10/2016 P. 51

# Juara Dunia sertai Kejohanan Terjun FINA

**Kuching:** Juara dunia 2015 bagi acara 3 meter papan anjal seirama campuran, Wang Han adalah antara penerjun handalan yang akan mengambil bahagian dalam Kejohanan Terjun Siri Dunia Fina, 21-23 Oktober ini.

Turut berada dalam kontinjen 21 penerjun China adalah gandingan Wang Han ketika menjuarai kejuaraan dunia di Kazan, Russia iaitu Yang Hao.

Perkara itu disahkan Pengarah Majlis Sukan Negeri Sarawak, Dr Ong Kong Swee kepada Bernama.

Menurut Ong, kejohanan yang dilangsungkan di Pusat Akuatik Sarawak,

Petra Jaya itu turut akan disertai Olimpian dari Australia, Kelvin Chavez.

Sebanyak lapan negara termasuk Malaysia akan menyertai kejohanan itu dengan Amerika Syarikat menghantar enam penerjun, Kanada (lima), Australia (empat), Hong Kong, Singapura dan Rusia masing-masing menampilkan dua wakil.

"Selain pemenang pingat perak negara di Sukan Olimpik Rio, Cheong Jun Hoong, barisan Olimpian Malaysia yang turut mengambil bahagian adalah Ahmad Amsyar Azman, Ng Yan Yee dan Ooi Tze Liang," kata Ong. - Bernama

